

09/09/2003

Tunku cetus idea anjur pertandingan

TRADISI tilawah al-Quran atau dulunya dikenali sebagai Pertandingan Membaca al-Quran di negara ini bermula di Kedah apabila Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, mencetuskan idea untuk menganjurkan pertandingan itu pada 1951.

Bertitik-tolak daripada kejayaan itu, Tunku membawa dan memperkenalkan majlis tilawah ke mana saja beliau pergi.

Ketika menjadi Yang Di-pertua Agung Umno Malaya yang beribu pejabat di Johor Bahru, Tunku mengambil daya usaha menganjurkan Musabaqah Membaca al-Quran di antara negeri Johor dan Kedah pada Ramadan 1378 bersamaan 1959.

Apabila berpindah ke Kuala Lumpur, beliau mengembangkan konsep pertandingan dengan menganjurkan Musabaqah Membaca al-Quran peringkat kebangsaan yang memabitkan penyertaan setiap negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Bagi menjayakan musabaqah pertama pada peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Pengelola yang dianggotai 15 orang ditubuhkan.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Menteri Muda Penerangan dan Penyiaran ketika itu, Syed Jaafar Albar, dan Datuk Ahmad Nordin yang pada masa itu Pegawai Kanan Jabatan Penerangan dilantik sebagai Setiausaha Pertama.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pengelola diadakan pada 9 Januari 1960 di Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat itu, Tunku melahirkan hasrat kerajaan menjadikan musabaqah sebagai acara tahunan.

Beliau berkata, penganjuran pertandingan itu adalah langkah kerajaan dalam menubuhkan asas kukuh pembangunan rohani umat Islam dan sejajar kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara.

Pada mesyuarat itu, wakil Kerajaan Kedah, Yang Mulia Tengku Seri Maharaja Lela, yang juga sepupu Tunku, menyerahkan dua naskhah al-Quran kepunyaan beliau dan moyangnya, Almarhum Sultan Ahmad Tajudian, untuk dihadiahkan kepada johan kebangsaan.

Al-Quran tulisan tangan berusia lebih 100 tahun itu yang dijilid dengan kulit berwarna emas, bersimpulkan perak dengan hiasan jata Persekutuan bertatahkan emas dan rehal diukir khas daripada kayu terbaik, menjadi piala pusingan hingga tahun 2001. Ia disampaikan kepada johan qari dan qariah atas nama Yang di-Pertuan Agong.

Musabaqah Membaca al-Quran peringkat kebangsaan pertama diadakan pada 20 Ramadan 1379 (Mei 1960) dan Tunku adalah orang yang paling gembira antara hadirin yang berada di Stadium Merdeka pada malam itu.

Kegembiraan Tunku turut dikongsi oleh majoriti umat Islam negara ini yang menghargai kesungguhan kerajaan mengembangkan syiar Islam menerusi pertandingan yang menjadi acara penting setiap tahun.

Dalam ucapan perasmianya, Tunku melahirkan harapan supaya musabaqah akan membuka era baru dalam sejarah negara.

"Musabaqah ini adalah titik permulaan kepada usaha kita menyebarkan dan mempertingkatkan imej Islam.

"Saya bercadang menjadikan Malaya sebagai pusat di mana cahaya Islam dipancarkan ke negara lain," katanya.

Tunku turut berjanji untuk menjadikan Malaya sebagai tumpuan dan tempat pengumpulan hasil kerja serta usaha pendakwah Islam di Asia Tenggara.

Aspirasi Tunku diwarisi oleh pemimpin selepasnya di mana konsep pertandingan diperbaiki dan dipertingkat pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn sehingga kini di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada musabaqah peringkat kebangsaan pertama yang diadakan selama lima malam berturut-turut, seramai 44 peserta mengambil bahagian yang mana setiap malam 11 peserta memperdengarkan bacaan mereka.

Seorang guru agama berusia 40 tahun dari Kedah, Abdul Hamid Desa, muncul sebagai johan qari manakala johan qariah disandang oleh Saodah Hanafi, 19, anak seorang guru agama terkenal di Perlis.

Hadiah untuk johan qari dan qariah berubah mengikut peredaran waktu dan bermula 1964, kerajaan memperuntukkan sejumlah wang bagi menunaikan haji sebagai hadiah galakan.

Penganjuran musabaqah yang pertama turut dilihat sebagai pencetus kepada perubahan dalam perkembangan syiar Islam apabila pada Mei 1961, Radio Malaya Perkhidmatan Melayu mula memperdengarkan bacaan al-Quran selepas berita pagi.

Radio Malaya juga memperkenalkan dua program agama selama setengah jam bagi tiap-tiap rancangan.

Dalam bidang pendidikan pula, bermula awal 1961, murid Islam yang belajar di sekolah bantuan kerajaan diajar mata pelajaran agama sekurang-kurangnya dua jam seminggu.

Tahun itu juga memperlihatkan buat pertama kalinya daripada 70 pelajar baru yang mendaftar di Kolej Islam Klang, 24 adalah pelajar perempuan.

Acara bersejarah lain ialah upacara penetapan arah kiblat di Masjid Negara yang diadakan pada 17 September 1961.

Kejayaan musabaqah peringkat kebangsaan yang pertama menjadi pendorong kepada kerajaan untuk meluaskan skop pertandingan ke peringkat antarabangsa dengan menjemput peserta dari negara lain.

Hasilnya, musabaqah membaca al-Quran peringkat antarabangsa yang pertama diadakan di Malaysia pada 9 Mac 1961 bersamaan 22 Ramadan 1380.